

BN janji perubahan lebih baik di Kelantan
Utusan Online
03 Mac, 2012

JELI 2 Mac - Barisan Nasional (BN) berjanji akan mengubah landskap Kelantan ke arah yang lebih baik dengan tetap mempertahankan akhlak dan akidah Islam sekiranya menang pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) akan datang.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, ini disebabkan terlalu banyak masalah yang tidak diselesaikan oleh Pas biarpun diberi peluang oleh rakyat negeri ini untuk memerintah sejak dua dekad lalu.

Justeru, beliau mengajak rakyat di negeri supaya melakukan perubahan selepas merasai sendiri pengalaman di bawah kerajaan yang dipimpin oleh Pas.

"Kelantan kita hendak maju sebab orang Kelantan ada serba kebolehan, banyak cerdik pandai orang Kelantan, inilah tempatnya kita hendak majukan umat Islam melalui akidah akhlak dan ilmu.

"Di bawah kerajaan BN insya- Allah, jika diberi mandat kita akan jamin (masalah) air selesai, kita jamin masalah ladang rakyat selesai, kemudahan asas selesai dan perumahan rakyat kita laksanakan.

"Landskap Kelantan akan berubah tetapi kita akan tetap pertahankan akidah dan akhlak Islam," katanya semasa berucap pada Majlis Perdana Menteri bersama rakyat di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di sini hari ini.

Pada majlis tersebut, Perdana Menteri turut mengumumkan peruntukan sebanyak RM1 juta untuk Pusat Islam UMK dan menyampaikan wang Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) kepada 10 penduduk dari daerah ini.

Najib berkata, sebagai sebuah kerajaan, BN sentiasa bertanggungjawab dan berlaku adil kepada rakyat biarpun ada di antara mereka yang menyokong pembangkang.

Beliau turut mengingatkan bahawa, umat Islam menjadi kuat adalah disebabkan ilmu dan bukannya hanya bercakap kosong tetapi tidak melakukan apa-apa untuk membawa perubahan ke arah yang lebih baik.

"Apakah umat Islam akan menjadi kuat dengan slogan sahaja, membangun bersama Islam, Kelantan serambi Mekah. Umat Islam akan menjadi kuat kalau kita mempunyai agenda untuk membangunkan umat Islam dari segala aspek," katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0303&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_01.htm